

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 10
SURAT

RMK13 perkukuh sistem pendidikan dari prasekolah hingga universiti

MukaSepuluh
E-mal: bhranag@bh.com.my | RM diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 15, Jalan Klang, 50000 Kuala Lumpur

RMK13 perkukuh sistem pendidikan dari prasekolah hingga universiti

- RMK13 menegaskan pembinaan sekolah juga akan dijadikan syarat Kebenaran Merancang bagi projek perumahan berskala besar baharu, manakala pembinaan sekolah vertikal akan diperluas
- RMK13 juga menyebut lima tahun mendatang tempoh kritikal untuk Malaysia melonjak, bukan hanya ke arah negara berpendapatan tinggi, malah mampu lahirkan rakyat berjiwa insaniah dan sedialan kehidupan berkualiti

Ghazali Ibrahim
bhranag@bh.com.my

Dalam siri pertemuan dengan umum di hadapan pemertua seni lihat urus awan dan perincian kumpulan berfokus, kendalian Institut Antarabangsa Polisi Awan dan Pengurusan, Universiti Malaysia (UM), sejumlah pandangan dan saranan dikongsi peserta sebagai lapisan masyarakat.

Sebagian besar datang dengan membuat kerja rumah dan kajian, termasuk menaip dengan rapi di atas kertas, malah ada membaca dari gajet. Ada mengisi borang disediakan dalam talian. Semua idea dan pandangan akan diadun.

Saya gembira apabila mendapati sebahagian besar input dihimpunkan itu selari dengan penapisan akhir Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Nampaknya harapan mereka tidak jauh berbeza apabila dibandingkan dengan senarai dasar dan inisiatif digariskan dalam dokumen RMK13 setebal 202 halaman.

Antara ditekankan dalam RMK13 ialah dasar dan inisiatif berkaitan sektor pendidikan yang menggariskan satu perkara amat signifikan dan penting dalam masa depan berkualiti lepasan sekolah.

RMK13 menegaskan pembinaan sekolah juga akan dijadikan syarat Kebenaran Merancang bagi projek perumahan berskala besar baharu, manakala pembinaan sekolah vertikal akan diperluas bagi menangani isu kepadatan pelajar dan keliruan tapak sekolah yang bersesuaian.

Syarat itu amat diperlukan dalam mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran (PjP) kondusif. Kata Anwar, sistem pendidikan akan diperkemas agar lebih bersepadu, berkesan dan responsif kepada cabaran masa hadapan.

Kerajaan MADANI juga komited memperkukuh ekosistem tadbir urus melalui reformasi perundangan dan institusi, termasuk Parlimen, mekanisme pemantauan serta penerapan nilai integriti sejak peringkat awal pendidikan hingga jentera pentadbiran.

Ketiga, akses pendidikan terangkum dan berkualiti. Sebanyak RM9 bilion akan diperuntukkan bagi sektor pendidikan, antaranya untuk membiayai sekolah baharu, membina dan menaik taraf bangunan sekolah, termasuk KEMAS serta fasiliti dan kemudahan universiti awam (UA).

Keempat, kerajaan tekad memastikan kadar enrolmen murid prasekolah dan menengah mencapai 98 peratus, iaitu melebihi kadar enrolmen sejagat. Kelima, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai penanda aras utama peringkat kebangsaan akan terus diguna pakai untuk menilai keberkesanan dasar, kurikulum dan pendekatan pedagogi sistem pendidikan.

Keenam, pendidikan prasekolah hingga menengah diletakkan sepenuhnya di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan (KPM). Inisiatif lain berkaitan pendidikan, termasuk mewujudkan pendidikan prasekolah bermula usia lima tahun dan kerajaan juga akan melaksanakan kajian semula ke atas waktu persekolahan optimum.

Tumpuan juga diberikan supaya bahasa Inggeris dipujian sebagai sebahagian bahasa pembelajaran dan perhubungan, manakala pembelajaran bahasa tambahan akan diperluas.

Pengukuhan pendidikan STEM, literasi digital
Penekanan turut diberikan kepada pengukuhan pendidikan Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) serta literasi digital, termasuk pengenalan asas kecerdasan buatan (AI), bagi melahirkan generasi bersedia memenuh permintaan pasaran kerja masa depan bernilai tinggi.

“Setiap rakyat, sama ada orang muda, dewasa dan berusia, ada bahagian mereka, sama ada inisiatif bersifat kewangan atau sebaliknya, ekonomi atau bukan ekonomi.”

Pendidikan prauniversiti dan pengajian tinggi diselaras Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan memperjelas bidang kuasa dan meningkatkan kecekapan dasar serta pelaksanaan.

Majlis Pendidikan Negara ditubuhkan untuk menyelaraskan, memantau serta merangka tindakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan sistem pendidikan sentiasa terkecualan dan bertaraf dunia.

RMK13 seperti lazimnya tidak hanya memfokus aspek pendidikan. Ada banyak aspek lain diketengahkan yang merangkumi tujuh bab. Bab pertama lebih kepada pengenalpastian kepada tema Melaka Semula Pembangunan.

Bab kedua menghuraikan langkah meningkatkan kerencaman ekonomi; usaha meningkatkan mobiliti sosial (kedua); nonperseptif pelaksanaan agenda reformasi perkhidmatan awam (keempat); meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar (kelima); pemantuan RMK13 (keenam) dan usaha merealisasikan Malaysia Madani: Aspirasi 2040 (ketujuh).

RMK13 juga menyebut lima tahun mendatang adalah tempoh kritikal untuk Malaysia melonjak, bukan hanya ke arah negara berpendapatan tinggi, malah mampu lahirkan rakyat berjiwa insaniah dan sedialan kehidupan berkualiti.

Bagi mengumpul hasrat ini, RMK13 memberi tumpuan ke atas tiga kebijakan utama, iaitu tatakelola baik menjadi paksi kepada pentadbiran negara dalam memastikan kejayaan negara diagihkan secara adil dan saksama serta mengambil kira keperluan rakyat, meningkatkan kerencaman ekonomi secara menyeluruh kepada pencapaian nilai dalam semua sektor ekonomi dan yang terakhir, pembangunan yang terangkum dan responsif dengan keutamaan untuk meningkatkan darjat kehidupan rakyat.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) disasarkan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus setahun, di teraju permintaan domestik, terutama penggunaan dan pelaburan swasta.

Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita disasarkan meningkat kepada RM77,200 berbanding sekitar RM53,000 sekarang dan dijangka melepasi nilai ambang negara berpendapatan tinggi.

RMK13 menyediakan inisiatif dan tindakan jangka panjang bagi setiap komponen rakyat – mereka yang baharu lahir dan yang belum melangkah ke alam persekolahan, mereka yang masih belajar, kumpulan pekerja dan mereka yang sudah bersara, yang dikategorikan sebagai golongan warga emas.

Ini juga hendak membawa rakyat ke alam ekonomi fasa baharu keempat – ekonomi digital, ekonomi hijau, ekonomi perak dan ekonomi jingga – sejak merdeka dan Malaysia dilahirkan.

Setiap rakyat, sama ada orang muda, dewasa dan berusia, ada bahagian mereka, sama ada inisiatif bersifat kewangan ataupun sebaliknya, ekonomi ataupun bukan ekonomi, demi anjakan baharu pembangunan negara, bukan sahaja lima tahun akan datang, tetapi bagi tempoh satu dekad mulai 2026.

Maka, RMK13 milik kita. Oleh itu, ia harus menjadi milik semua – setiap individu, keluarga dan masyarakat dengan semua pihak perlu berganding bahu berkerap di landasan pembangunan dihasratkan demi ‘mengangkat darjat’, bertakat dan martabat rakyat.”

RMK13 berakhir dengan ungkapan berikut: “Malaysia pada 2040 akan menjadi sebuah negara maju mempunyai masyarakat saksama dan ekonomi yang terangkum dan progresif, mementahkan kesihatan bumi serta mendukung tatakelola baik. Aspirasi ini menuntut komitmen dan sinergi yang mantap daripada semua pihak, iaitu individu, masyarakat, sektor swasta dan kerajaan. RMK13 bertandaskan kerangka Malaysia MADANI adalah kesinambungan usaha untuk bawa negara mencapai aspirasi ini.”

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

CS **Sidang Redaksi** Pengarang Kumpulan: **RAHMAN RUSLI** rahmanr@bh.com.my
Timbalan Pengarang Kumpulan **STHILINJAN** sth@bh.com.my
Pengarang Eksekutif (Kandungan & Digital) **ZAINUDDIN MOHD ISA** zainud@bh.com.my
Pengarang Eksekutif (Pengeluaran) **NAZARUDIN ABU BAKAR** nazarudin@bh.com.my